Kajian Kes OSS

OpenOffice.org Sebagai Perisian Produktiviti Jabatan

Name	**: PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT**
Government Agency	**: PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH**
Full Street Address	**: ARAS 1, BLOK C, WISMA DARUL AMAN, 05503 ALOR STAR, KEDAH**
Full Postal Address	**: ARAS 1, BLOK C, WISMA DARUL AMAN, 05503 ALOR STAR, KEDAH**
Email	**: bawadir@kedah.gov.my ; rokiah@kedah.gov.my**
Phone	**: 04-7007286 , 04-7007279**
Fax	**: 04-7007278**
URL	**: www.kedah.gov.my**

Type of solution:

Desktop

Pengenalan Agensi

Agensi

Pusat Teknologi Maklumat [PTMK] adalah merupakan unit di bawah Jabatan Kerajaan Negeri iaitu Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.

Visi

Menjadi sebuah agensi Pengurusan ICT Sektor Awam Yang Terbaik Menjelang 2010

Misi

Merancang, Membangun dan Mengurus ICT Bagi Meningkatkan Kecekapan Operasi Pentadbiran Jabatan Kerajaan Negeri Demi Kemajuan Negeri Dan Kesejahteraan Rakyat

Perkhidmatan Teras

Pengurusan dan Pembangunan ICT Jabatan Kerajaan Negeri

Piagam Pelanggan

1. Menyedia dan menyelenggara sistem aplikasi komputer yang dipersetujui bersama dalam tempoh yang tertentu mengikut kaedah dan piawaian yang bersesuaian dalam tempoh yang tertentu
2. Memberi maklumbalas keatas semua permintaan bagi pembangunan sistem dalam tempoh tujuh (7) hari selepas diterima
3. Menyedia dan menyelaras kemudahan komputer termasuk prasarananya supaya berada dalam keadaan baik serta memenuhi kehendak pelanggan
4. Memberi perkhidmatan dan nasihat teknikal kepada pelanggan apabila diperlukan
5. Mengurus dan menyediakan peralatan komputer untuk keperluan pelanggan mengikut persetujuan dari masa ke semasa
6. Memastikan supaya setiap aduan dan masalah dapat diambil tindakan sewajarnya selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas aduan diterima

Jumlah Kakitangan

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Jawatan	Gred	Sedia Ada	Taraf
1.	Pengurusan Dan Profesional	Pengarah	F48	1	Tetap
		Pegawai Sistem Maklumat (Kanan)	F44	1	Tetap
		Pegawai Sistem Maklumat	F41	2	Tetap
2	Sokongan I	Penolong Pegawai Sistem Maklumat	F29	6	Tetap
		Operator Mesin Pemprosesan Data	F11	6	Tetap
		Jumlah		16	

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah , Wisma Darul Aman 05503 Alor Star, Kedah Darul Aman
Tel : 04-7301957 Fax : 04-7310000
Website: http://www.kedah.gov.my

Objektif Projek

OpenOffice.org Sebagai Perisian Produktiviti Jabatan (1 PC – 1 Perisian OpenOffice.org).

Teknologi OSS Yang Digunakan

OpenOffice.org

Perisian desktop adalah merupakan perisian utama bagi semua komputer pegawai dan kakitangan jabatan. Ianya tidak khusus kepada kumpulan pegawai dan kakitangan tertentu. Keperluan dan permintaan terhadap perisian desktop bertambah seiring dengan pertambahan bilangan komputer yand dibekalkan.

Daripada analisa kos yang dijalankan 25% daripada kos pembelian harga sesebuah komputer perlu diperuntukkan bagi pembelian perisian desktop iaitu Microsoft Office yang mana ianya sewajarnya dilesen mengikut unit yang dibeli.

Dengan mengambilkira kekangan peruntukan Kerajaan Negeri, langkah penjimatan telah dilakukan dengan memperkenalkan perisian aplikasi desktop iaitu OpenOffice.org. Ianya mula diperkenalkan sejak tahun 2003 secara berperingkat melalui projek pembekalan komputer pelbagai jabatan yang dilakukan secara tahunan. Kawalan pembelian dilakukan di peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pusat Teknologi Maklumat Negeri Kedah).

Program kursus di bawah Program Pembudayaan ICT Penjawat Awam Negeri telah dilakukan seiring dengan kawalan pembelian di atas. Perisian OpenOffice.org adalah antara modul utama yang diberikan kursus di bawah program berkenaan selain daripada email dan internet.

Spesifikasi Projek

Setiap komputer baru yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri hanya akan dilengkapi dengan perisian desktop iaitu OpenOffice.org untuk tujuan kerja-kerja pentadbiran pegawai dan kakitangan Jabatan.

Kursus OpenOffice.org adalah terbuka kepada semua penjawat awam yang berminat. Pada peringkat awal ianya adalah diwajibkan. Ianya dijalankan secara dalaman oleh Pusat Teknologi Maklumat Negeri.

Penggunaan Sistem

OpenOffice.org sebagai perisian utama setiap Desktop bagi menyokong kerja-kerja pentadbiran harian jabatan.

Perisian

OpenOffice.org 2.4

Kenapa Menggunakan OSS/Linux?

1. Penjimatan Kos Kerajaan
2. Mengekang Ketidakpatuhan Agensi Kepada Akta HakCipta
3. Pilihan Teknologi Yang Setara

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah , Wisma Darul Aman 05503 Alor Star, Kedah Darul Aman
Tel : 04-7301957 Fax : 04-7310000
Website: http://www.kedah.gov.my

Bagaimana dan Kenapa OSS Dapat Menyelesaikan Kehendak/Masalah

1. Peratus pemilikan komputer dan peralatan ICT jabatan masih rendah.
2. Penjimatan membolehkan bilangan peralatan yang dibekalkan dapat ditingkatkan.
3. Pilihan teknologi setara kepada pengguna jabatan
4. Ketidakpatuhan kepada Akta Hakcipta dapat diminimakan secara berperingkat.

Kesan Pertukaran OSS Terhadap Agensi dan Orang Ramai

1. Bilangan komputer yang dapat dibekalkan dapat ditingkatkan.
2. Kemahiran dan pengetahuan pegawai dan kakitangan dalam pelbagai aplikasi desktop.
3. Mengekang penyebaran virus yang kerap terjadi pembinaan fail MSWord.

Pengalaman

1. Pegawai dan kakitangan sukar untuk menyesuaikan ciri-ciri setara antara Microsoft Office dengan OpenOffice.org
2. OpenOffice.org bersifat lebih terbuka berbanding dengan Microsoft Offfice. Ianya menyokong pelbagai format fail dan tidak terikat kepada fail berasaskan Windows sahaja.

Status Projek

a) **Pemasangan OpenOffice.org Di Jabatan Kerajaan**

Sehingga kini jumlah komputer yang telah dibekalkan dengan OpenOffice.org ialah :

Perkara	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Jumlah
Komputer	450	122	550	350	380	350	2,202

Keseluruhannya adalah dianggarkan 70 % komputer di jabatan telah diinstall dengan perisian OpenOffice.org. Dasar ini akan diteruskan selari dengan usaha Kerajaan Negeri supaya Jabatan Kerajaan mengambil langkah berjimat cermat dalam perbelanjaan masing-masing.

b) **Program Pembudayaaan ICT (Kursus OpenOffice.org)**

Jumlah yang telah diberikan pendedahan dan kursus penggunaan OpenOffice.org hingga 2008 ialah 1913 orang

Testimonials

Nama : Ahmad Bawadir Bin Haji Abdul Ghani
Jawatan: Pengarah Pusat Teknologi Maklumat Negeri Kedah
Telefon : 04-7301957

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah , Wisma Darul Aman 05503 Alor Star, Kedah Darul Aman
Tel : 04-7301957 Fax : 04-7310000
Website: http://www.kedah.gov.my